

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/1969**

=====

**PINDAAN CUKAI TANAH DI BAWAH SEKSYEN 101
KANUN TANAH NEGARA**

Bersama ini saya kembalikan satu kertas Bil. (41) dlm. PTG.Sel.0.223 mengandungi kadar-kadar cukai tanah mengikut pindaan tersebut di atas yang telah diluluskan oleh Pengusaha Negeri dalam mesyuaratnya pada 19hb. November, 1969. Kadar-kadar ini bermula kuat kuasanya pada 1hb. Januari 1970.

2. Kadar-kadar ini akan diwartakan dalam Warta Kerajaan kira di penghujung bulan ini. Untuk menyelamatkan masa, tuan bolehlah sekarang menggunakan kadar-kadar ini untuk membuat pindaan dalam Rent Roll baharu yang sekarang ini disiapkan.

3. Untuk menentukan satu-satu kadar yang hendak digunakan bagi sesekeping tanah milik dalam pindaan ini, perhatian tuan adalah ditarik kepada Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Bil. 3/69 yang telah dihantar kepada tuan. Dalam Pekeliling itu diantara lain-lain telah ditegaskan iaitu cukai bagi sesekeping tanah milik adalah ditentukan mengikut kegunaan dan kegunaan ditentukan mengikut express condition dan implied condition. Ini bermakna tiap-tiap sekeping daftar hakmilik terpaksa diperiksa dengan teliti dan peruntukkan-peruntukkan Seksyen 101 Kanun Tanah Negara dan juga Seksyen 53 Kanun Tanah Negara difahami dengan sejelas-jelasnya.

4. Saya juga menarik perhatian tuan kepada perenggan 4 Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Bil. 2/69 berkenaan dengan tindakan mencatat pindaan cukai dalam Daftar Hakmilik dan dalam Sukatan Hakmilik. Terpulanglah kepada tuan untuk membahagikan kerani-kerani yang ada untuk melaksanakan pekerjaan ini dengan secepat mungkin yang boleh.

5. Dalam Second Schedule dalam kertas Bil. (41) dlm. PTG.Sel.0.223 tuan akan dapati beberapa jenis tanah yang dikecualikan daripada pindaan cukai. Saya menarik perhatian tuan kepada tanah jenis (2) (for all religious worship). Sebabnya tanah dalam jenis itu dikecualikan daripada pindaan cukai ialah kerana pada masa yang sudah-sudah, tanah-tanah jenis itu dikeluarkan dengan cukai nominal di bawah Seksyen 80(i) (ii) Kanun Tanah Negara. Sebenarnya bukannya tanah untuk "religious worship" sahaja yang ada dikeluarkan dengan cukai nominal akan tetapi juga tanah-tanah untuk "educational", charitable dan other public purpose" sebagai yang disebutkan dalam Seksyen 80(i) (ii) itu. Tetapi dalam pindaan ini tanah jenis "for religious worship" sahaja yang dikecualikan. Tanah-tanah jenis "educational, charitable dan lain-lain public purpose" akan dipinda kerana tiada kadar-kadar cukai yang dapat ditetapkan bagi tanah-tanah jenis itu. Sebagai pedoman dalam pemindaan cukai bagi

tanah-tanah jenis itu (educational, charitable and other public purpose) cukai pindaan hendaklah dikenakan mengikut kelas tanah itu (iaitu samada Town Land, Village Land, land within Municipality or Town Council atau pun Country Land) dan cara kegunaan. Misalnya sekeping tanah pekan yang dimiliki oleh satu pertubuhan untuk sekolah yang mendatangkan hasil kepada si pemilik hendaklah dikenakan cukai mengikut kadar yang telah ditetapkan bagi Town Land untuk Commercial lots. Sebaliknya misalnya sekeping tanah Pekan yang dimiliki oleh satu-satu pertubuhan untuk rumah kanak-kanak cacat hendaklah dikenakan cukai mengikut kadar cukai yang ditetapkan bagi Town land untuk dwelling lots. Begitulah seterusnya bagi semua kelas tanah dan semua kegunaan yang ditetapkan. Saya faham pedoman yang saya beri ini tidaklah begitu memuaskan kerana boleh jadi ada tanah-tanah milik dalam jenis itu yang berkedudukan berlainan yang tidak dapat disesuaikan dengan pedoman itu. Jika perkara seperti itu berbangkit tuan hendaklah berhubung dengan saya untuk keputusan.

6. Satu lagi kerumitan yang sudah tentu akan berbangkit ialah berkenaan dengan tuan-tuan tanah yang datang ke pejabat hendak membayar cukai, yang tidak tahu cukai tanahnya telah dinaikkan dan yang telah membawa wang sebanyak cukai lamanya sahaja. Boleh jadi tuan-tuan tanah sebagai itu akan mendesak supaya Pejabat menerima bayaran cukai lama yang ada ditangannya itu dan mengira bakinya sebagai tunggakan. Mengikut Seksyen 94(2) Kanun Tanah Negara bayaran seperti itu tidak boleh diterima dan tuan-tuan tanah seperti itu terpaksa dinasihatkan supaya datang kemudian dengan membawa wang cukai penuh sebagai yang telah dipinda. Jika mereka mendesak juga bayaran itu bolehlah diterima sebagai "deposit".

7. Bagi Pejabat-Pejabat Tanah yang menggunakan "mecharised system" bil-bil cukai bagi tahun hadapan akan dihantarkan pada selewat-lewatnya 6.12.1969. Bil-bil itu mengandungi cukai lama. Apabila sahaja diterima bil-bil itu hendaklah dipinda mengikut kadar-kadar yang ditetapkan. Pindaan itu hendaklah di "initial" oleh Pemungut Hasil Tanah atau Kerani Besar Pejabat Tanah.

8. Perhatian tuan juga ditarik kepada pindaan cukai bagi tanah desa yang dikeluarkan bagi kegunaan pertanian. Sebagai yang diketahui pada masa sekarang tanah seperti itu yang dikeluarkan untuk tanaman getah, kelapa dan kelapa bali adalah dikenakan cukai sebanyak \$1.50 seekar setahun bagi tarikh enam tahun yang pertama. Mengikut pindaan cukai bagi tanaman-tanaman seperti itu telah dinaikkan kepada \$7/- satu ekar satu tahun bagi semua tanah seperti itu tidak kira samada tarikh pengeluarannya kurang atau lebih dari enam tahun. Walau bagaimana pun kerajaan telah mempersetujui supaya kuasa "remission" di bawah Peraturan Tanah 15 digunakan bagi tanah-tanah seperti itu yang tarikh pengeluarannya kurang daripada enam tahun pada 1hb Januari, 1970. Oleh itu tuan adalah dikehendaki membuat senarai tanah-tanah seperti itu dengan memberi butir-butir biasa serta hantarkan ke Pejabat ini pada masa yang sesuai untuk kelulusan.

9. Akhirnya saya menyatakan yang saya masih mengkaji soalan memberhentikan, buat sementara, pengeluaran Geran-Geran Sementara bagi tanah yang pengeluarannya telah diluluskan, mulai pada 1.1.1970 dan akan mengeluarkan satu arahan dalam perkara ini. Begitu juga saya masih mengkaji soalan tanah-tanah yang sekarang ini dimiliki dengan A.A di bawah Undang-Undang Tanah Lama dengan tujuan mengambil tindakan di bawah Seksyen 80(4) Kanun Tanah Negara dan akan juga memberi arahan dalam perkara ini.

T.T
(RAJA SHAH KOBAT BIN RAJA HAMZAH)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.Sel.0.223

Kuala Lumpur
25hb. November, 1969.

*** PEKELILING INI DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.5/1969***